

# AXCEL NASATAB TABLET

Paracetamol / Chlorpheniramine Maleate / Pseudoephedrine HCl (500mg /4mg /60mg)

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah kegunaan Axcel Nasatab Tablet.
2. Bagaimana Axcel Nasatab Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Nasatab Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Nasatab Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Nasatab Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Nasatab Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## APAKAH KEGUNAAN AXCEL NASATAB TABLET

Axcel Nasatab Tablet digunakan untuk melegakan simptom-simptom seperti:

- Sakit kepala.
- Demam dan kesakitan.
- Sinus dan kesesakan hidung yang berkaitan dengan sinusitis (radang pada sinus hidung) atau selsema.

## BAGAIMANA AXCEL NASATAB TABLET BERFUNGSI

*Paracetamol* mempunyai kesan analgesik-antipyretik (agen yang melegakan kesakitan dan mengurangkan demam). *Chlorpheniramine maleate* berfungsi sebagai antihistamina dan mempunyai kesan antikolinergik. Ia berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alergi. *Pseudoephedrine* merupakan satu dekongestan (ubat yang boleh mengurangkan kesan hidung tersumbat akibat jangkitan atau alergi). Ia adalah agen simpatomimetik yang bertindak secara langsung dan tidak langsung untuk menghasilkan kesan penyempitan saluran darah.

## SEBELUM MENGGUNAKAN AXCEL NASATAB TABLET

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap kandungan aktif dalam produk ini.
- Jika anda menghadapi tekanan darah tinggi yang serius atau penyakit arteri koronari (penyakit jantung) yang serius.
- Jika anda mengambil perencat *Monoamine oxidase* (MAO), atau mengambil dalam tempoh 14 hari.
- Jika ubat ini bukan dipreskripsikan oleh doktor yang bertaualiah kepada anda.
- Jangan ambil Axcel Nasatab Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Axcel Nasatab Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Nasatab Tablet anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda menghadapi glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan di dalam mata), pernah menghadapi asma bronkial, hipertiroidisme (peningkatan tahap hormon tiroid), penyakit kardiovaskular (jantung / saluran darah), prostat hipertrofi (penambahan saiz prostat), tekanan darah tinggi atau kencing manis.
- Jika anda menghadapi gangguan fungsi buah pinggang atau hati atau mengambil ubat lain yang mempengaruhi hati.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Hamil dan menyusukan bayi.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan seperti di bawah yang mungkin boleh berinteraksi dengan Axcel Nasatab Tablet, terutamanya:

- *Metoclopramide*.
- Depresi sistem saraf pusat termasuk alkohol, barbiturat, hipnotik, opioid analgesik dan anksiolitik.
- *Methylidopa*, *mecamylamine*, *reserpine* dan *veratrum alkaloids*.
- Agen penyekat beta adrenergik.
- Digitalis (untuk masalah jantung).
- Antasid dan kaolin.
- Ubat mengandungi paracetamol.

## CARA MENGGUNAKAN AXCEL NASATAB TABLET

### Berapa banyak harus digunakan

Bagi dewasa sahaja:

1 tablet diambil 3 atau 4 kali sehari.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Nasatab Tablet.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Kepeeningan, tinitus (bunyi berdengung dalam telinga), ataksia (pergerakan yang tidak

# AXCEL NASATAB TABLET

Paracetamol / Chlorpheniramine Maleate / Pseudoephedrine HCl (500mg /4mg /60mg)

selaras), penglihatan yang kabur, mulut kering, kemerahan dan simptom-simptom gastrousus.

- Tekanan darah tinggi yang teruk atau kegagalan kardiovaskular berserta tekanan darah rendah mungkin berlaku.
- Dalam 24 jam pengambilan dos berlebihan, rasa mual, muntah, kelesuan dan berpeluh mungkin berlaku.
- Rawatan adalah simptomatik dan menyokong.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Nasatab Tablet berlebihan.

## SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL NASATAB TABLET

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Nasatab Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Nasatab Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Pesakit harus berhati-hati semasa menjalankan aktiviti memerlukan kepekaan mental seperti memandu dan mengendalikan mesin.
- Hamil dan menyusukan bayi.

## KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Nasatab Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

Kesan sampingan dari antihistamina:

- Kelalian.
- Keletihan.
- Kepeningan.
- Tekanan darah rendah.
- Kelemahan otot.
- Kekurangan penyesuaian gerakan otot..
- Gangguan gastrousus.
- Sakit kepala.
- Kekaburan penglihatan.
- Tinitus (bunyi berdengung dalam telinga)
- Kegembiraan atau kemurungan.
- Cepat marah.
- Tiada selera makan.
- Kesukaran membuang air kencing.
- Kekeringan mulut.
- Kesusakan dada.
- Berat.
- Kelemahan tangan.

Kesan sampingan dari paracetamol:

- Epigastrik distres atau ruam kulit.

Kesan sampingan dari ejen simpatomimetik:

- Ketakutan.
- Kebimbangan.
- Kegelisahan.
- Menggeletar.
- Kesukaran tidur.
- Kekeliruan.
- Cepat marah.
- Keadaan psikotik.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers -> Reporting).

## CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL NASATAB TABLET

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Nasatab Tablet dari jangkauan kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Axcel Nasatab Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## MAKLUMAT LANJUT

### Rupa dan warna produk

Axcel Nasatab Tablet adalah tablet berwarna kuning, bulat, rata dan bertanda logo KOTRA pada satu permukaan. Ia berdiameter 12.9mm.

### Bahan-bahan kandungan

*Bahan Aktif:*

*Paracetamol, Chlorpheniramine Maleate dan Pseudoephedrine HCL.*

*Bahan Tidak Aktif:*

*Quinoline Yellow, Sodium Starch Glycolate, PVP K90, PVP K30, Aerosil 200, Microcrystalline Cellulose, Magnesium Stearate dan Purified water.*

### Nombor MAL

MAL20021133A

## PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

## TARIKH KEMASKINI RiMUP

16/06/2015

## NOMBOR SIRI

BPFK(R4/1)080515/00099